Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication
https://ejournal.ukm.my/mjc
Volume 41(2) 2025: 1-20

Analisis Lakuan Bahasa Ucapan Tahniah di Facebook dalam Kalangan Pengguna Melayu

NUR HAMIMAH MUHAMMAD IRAHIM
NORSOFIAH ABU BAKAR*
Universiti Sains Malaysia

MAIZURA OSMAN
Universiti Malaya, Malaysia

ABSTRAK

Sesebuah masyarakat mempunyai strategi tersendiri dalam mengekspresikan sesuatu perasaan melalui komunikasi sesama ahlinya. Ujaran tahniah merupakah salah satu bentuk lakuan bahasa yang menekankan kelakuan dan ekspresi perasaan pengujarnya. Dalam era di mana interaksi digital semakin penting, pemahaman terhadap cara dan jenis-jenis ungkapan tahniah yang digunakan oleh masyarakat dapat memberi fahaman yang mendalam tentang interaksi sosial dalam talian. Bentuk komunikasi dalam media sosial menunjukkan perbezaan berbanding dengan bentuk komunikasi bersemuka kerana tidak terhad kepada masa yang sama dan melibatkan khalayak yang lebih besar. Kajian ini bertujuan menghuraikan ungkapan yang diekspresikan sebagai lakuan bahasa ucapan tahniah dan membincangkan lakuan bahasa ucapan tahniah secara teoretis dengan menggunakan teori lakuan Searle. Media sosial yang dipilih sebagai sumber data ialah laman Facebook, atas justifikasi sebagai salah satu media sosial yang paling banyak digunakan oleh rakyat Malaysia, iaitu hampir 23.51 juta pengguna. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian etnografi dalam talian. Proses pengumpulan data dijalankan selama 10 bulan menggunakan teknik pemerhatian dalam talian dan temu bual. Sebanyak 1643 data dikumpulkan dan terbahagi kepada lakuan bahasa ekspresif, representatif dan direktif. Analisis data kajian pula melibatkan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa lakuan bahasa tahniah telah diekspresikan dengan lakuan bahasa ekspresif tahniah yang digunakan secara tunggal dan gabungan lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa ekspresif yang lain seperti syukur, terima kasih, gurauan dan selamat. Gabungan ini berperanan menyampaikan maklumat tambahan dan fungsi sosial. Hasil kajian juga menunjukkan lakuan bahasa tahniah dalam Facebook turut dipengaruhi oleh faktor sosiolinguistik iaitu dwibahasa, multibahasa dan adanya penggunaan unsur dialek.

Kata kunci: *Lakuan bahasa, tahniah, Facebook, ekspresif, etnografi.*

A Speech Act of Congratulatory Expression on Facebook among Malay Users

ABSTRACT

This study investigates how societies express emotions through communication, focusing on congratulatory language behaviours in digital interactions. Congratulatory expressions reflect the speaker's behaviour and emotions, offering valuable insights into online social interactions. Unlike face-to-face communication, social media allows asynchronous exchanges and reaches broader audiences. This study aims to describe expressions conveyed as congratulatory speech acts and to discuss the theoretical aspects of congratulatory speech acts using Searle's speech act theory. The social media platform selected as the data source is Facebook, justified by its status as one of the most

*Penulis koresponding: abnorsofiah@usm.my
E-ISSN: 2289-1528
https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4102-01
Diterima: 15 Januari 2024 | Diperakukan: 16 Mei 2024 | Diterbitkan: 30 Jun 2025

widely used social media platforms among Malaysians, with approximately 23.51 million users. Employing a qualitative approach through online ethnography, data collection spanned 10 months and involved online observations and interviews. A total of 1,643 instances of congratulatory expressions were collected and categorized into expressive, representative, and directive speech acts. Content analysis revealed that congratulatory behaviours often include expressive acts, either individually or combined with other expressions such as gratitude, thanks, jokes, and well-wishing. These combinations serve to convey additional meanings and perform various social functions. The findings further highlight the influence of sociolinguistic factors, including bilingualism, multilingualism, and dialect use, on congratulatory behaviours in digital contexts. This study provides a deeper understanding of the evolving dynamics of language use in online spaces, emphasizing the role of digital platforms in shaping social interaction and cultural expression.

Keywords: *Speech act, congratulations, Facebook, expressive, ethnography.*

PENGENALAN

Ucapan *tahniah* merupakan ujaran yang disampaikan kepada seseorang yang memperoleh kejayaan. Lazimnya, dalam hal yang melibatkan perkahwinan, konvokesyen, memperoleh cahaya mata, memenangi sesuatu pertandingan dan kejadian-kejadian lain yang menggambarkan kegembiraan ujaran tahniah sering diujarkan. Walaupun hanya sekadar kata '*tahniah*', perkataan tersebut bermakna kepada pendengar atau pembaca. Kata-kata *tahniah* ini memberikan semangat kepada pendengar atau pembaca. Kata *tahniah* juga merupakan salah satu faktor membolehkan perhubungan yang baik dibina oleh seseorang dengan orang lain (Ahmad Ramadan, 2015). Jika seseorang itu tidak mengucapkan *tahniah*, dikatakan bahawa orang itu cemburu atau sombong (Ahmad Ramadan, 2015). Kata *tahniah* ini bukanlah sekadar ekspresi, tetapi mempunyai maksud tersendiri terutamanya kepada penerima ucapan tersebut.

Austin (1962) mengklasifikasikan ujaran tahniah sebagai satu bentuk performatif yang menekankan kelakuan dan perasaan yang diujarkan oleh orang pertama. Searle (1969) mengklasifikasikan ekspresi *tahniah* sebagai tindakan ilokusyenari di bawah golongan ekspresif. Searle (1969) mencirikan *tahniah* seperti berikut:

(a) Sesuatu peristiwa itu berkaitan dengan pendengar.
(b) Suatu peristiwa itu mempunyai kepentingan dengan pendengar dan penutur percaya bahawa pendengar minat dengan peristiwa tersebut.
(c) Penutur gembira dengan peristiwa tersebut.
(d) Ia termasuk sebagai ungkapan-ungkapan yang menggambarkan keseronokan.

Ucapan *tahniah* dalam Facebook bukan sahaja diujarkan dengan kata *tahniah* tetapi dikaitkan dengan leksikal lain. Berdasarkan pemerhatian awal dalam Facebook, didapati terdapatnya penggunaan perkataan-perkataan lain yang ada hubungan dengan kata *tahniah* seperti perkataan 'syabas'. Ungkapan *tahniah* dapat disampaikan tanpa mengambil kira sama ada orang yang menyampaikan ucapan itu saling mengenali atau tidak, dan variasi ucapan *tahniah* disampaikan dengan begitu banyak sekali.

Sejajar dengan perkembangan digital kini, strategi ucapan tahniah dalam media sosial, yakni Facebook dipilih. Facebook merupakan platform dalam talian yang memperlihatkan pelbagai bentuk ujaran tahniah. Facebook merupakan alat komunikasi yang mempunyai ramai pengguna di seluruh dunia. Bentuk komunikasi dalam rangkaian media sosial menunjukkan perbezaan berbanding dengan bentuk komunikasi-komunikasi yang lain kerana terarah kepada khalayak yang besar tanpa bersemuka (Haslina, 2018). Keunikan komunikasi

tanpa bersemuka ini menjadikan kajian bentuk interaksi ini berkembang dengan pantas (Meredith & Stokoe, 2014), termasuk kajian wacana forum internet (Brown, 2009) dan analisis wacana kritis dalam kiriman Facebook (Rambe, 2012). Komunikasi dalam Facebook melibatkan trajektor asinkroni (*asynchronous*) dan kuasi-segerak (*quasi-synchronous*) (Meredith & Stokoe, 2014).

Trajektori pertama ialah peserta atau pengguna dalam interaksi asinkroni tidak perlu berada dalam talian dalam masa yang sama kiriman (*post*) disiarkan kerana peserta boleh memberikan respons pada bila-bila masa sahaja (Meredith & Stokoe, 2014). Hal ini bermaksud tiada kekangan masa untuk pengguna asinkroni memberikan respons. Trajektori kedua ialah cara peserta berinteraksi yang melibatkan interaksi antara peserta saling mengenali atau langsung tidak kenal peserta yang terlibat dalam komunikasi di kehidupan luar atas talian. Bentuk komunikasi ini berlaku dalam interaksi kuasi-segerak dan mempunyai persamaan dengan perbualan secara lisan kerana interaksi ini memerlukan respons segera (Meredith & Stokoe, 2014). Trajektori ketiga, kiriman dalam Facebook boleh ditulis pendek atau panjang, dan mempunyai imej. Berdasarkan huraian ini, dapat dikatakan bahawa Facebook merupakan platform gabungan asikronik dan kuasi-segerak serta bersifat multimodal.

Facebook merupakan media sosial yang kedua popular dan berpengaruh di Malaysia (84.9%) diikuti oleh Instagram (77.0%) dan TikTok (68.8%) (Howe, 2024). Penggunaan media sosial yang paling tinggi di Malaysia ialah aplikasi WhatsApp (90.7%). Statistik penggunaan Facebook menunjukkan peningkatan sebanyak 4.1% dari bulan April 2019 hingga bulan Januari 2020 (Kemp, 2020). Statistik yang dikeluarkan oleh Socialbakers juga menunjukkan bahawa Malaysia berada di kedudukan ke-18 dunia pengguna Facebook paling banyak (Rusdi Rusli, 2013). Peningkatan jumlah pengguna Facebook menunjukkan bahawa media sosial ini merupakan media yang dominan dan komunikasi. Timbul persoalan mengapa Facebook boleh menjadi media sosial yang paling berpengaruh penggunaannya? Facebook mempunyai kepelbagaian penggunaan dan motivasi dalam berkomunikasi (Joinson, 2008). Ramirez et al. (2002) pula mendapati bahawa berlaku kepelbagaian lakuan sosial dalam Facebook. Kepelbagaian aktiviti sosial ini termasuklah pengucapan tahniah yang menjadi tumpuan kajian ini.

Facebook sebagai platform yang menyediakan pelbagai saluran interaksi yang meliputi paparan video, perkongsian fail, berhubungan dan melakukan pelbagai aktiviti tanpa bersemuka menyediakan kebebasan kepada pengguna Facebook dan membentuk komuniti yang berkongsi minat yang sama (Mohd Khairuddin et al., 2020). Kepelbagaian aktiviti ini membolehkan kepelbagaian cara pengucapan *tahniah* diteliti. Facebook juga menawarkan kajian terhadap cara pengucapan *tahniah* diujarkan oleh sesuatu kelompok bahasa, tidak terkecuali bahasa Melayu. Oleh itu, tujuan makalah ini adalah untuk menghuraikan ungkapan yang diekspresikan sebagai lakuan bahasa ucapan tahniah dan membincangkan lakuan bahasa ucapan tahniah secara teori dengan menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969; 1976).

TINJAUAN LITERATUR

Banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan Facebook lagi-lagi dengan dasar pendekromasian media. Dasar pendekromasian data bermaksud kandungan data tidak ditentukan oleh mana-mana pihak seperti pihak kerajaan, organisasi politik atau badan korporat (Ahmad Sauffiyan, 2019). Keterbukaan dalam media menyebabkan pelbagai yang

boleh dikaji termasuklah aspek penggunaan bahasa dalam Facebook. Ahmed et al. (2021) mengkaji sikap anti-pendatang berdasarkan ungkapan kemarahan atau kata-kata makian dalam membincangkan tentang pendatang. Kajian Klimova dan Pikhart (2020) melaporkan bahawa penggunaan Facebook memberikan kesan positif kepada pelajar EFL (bahasa Inggeris sebagai bahasa asing) dalam kemahiran menulis. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa Facebook merupakan media sosial memperlihatkan kehidupan manusia dalam pelbagai aspek.

Sehubungan dengan itu, kajian ini menelusuri kajian lepas berkaitan dengan komunikasi ucapan tahniah. Kajian lepas berkaitan ucapan tahniah yang dijalankan secara bersemuka menunjukkan bahawa ucapan tahniah diungkapkan untuk meraikan kegembiraan akan kejayaan orang lain. Dari aspek metodologi, kajian bersemuka tersebut telah menggunakan Ujian Penyelesaian Wacana (UPW) atau *Discourse Completion Test* (DCT). Didapati bahawa terdapat beberapa kajian lepas mengaplikasikan kaedah yang sama dalam kajian ucapan tahniah. Kaedah yang digunakan ialah kaedah UPW. Kaedah ini digunakan oleh Elwood (2004) serta Allami dan Nekouzadeh (2011). Kaedah UPW memerlukan respons secara bertulis, iaitu wacana sebagai tindakan terhadap situasi yang diberikan. Hasil kedua-dua kajian ini menunjukkan responden telah menggunakan beberapa bentuk strategi tahniah yang sama, meskipun responden terdiri daripada kelompok penutur yang berbeza. Kedua-dua kajian ini tidak mengaplikasikan kaedah kualitatif seperti temu bual bagi menyokong dapatan kajian kuantitatif.

Elwood (2004) meneliti perbezaan respons penutur yang berbeza bahasa dan budaya terhadap tiga peristiwa gembira yang dikaji. Responden kajian Elwood (2004) melibatkan 135 responden yang merupakan penutur bahasa Jepun dan bahasa Inggeris sebagai bahasa natif dan bukan bahasa natif. Kaedah UPW memerlukan subjek memberikan respons dalam bentuk wacana peristiwa gembira yang berbeza, iaitu (i) peristiwa kenaikan pangkat, (ii) perkahwinan, dan (iii) beroleh geran penyelidikan (Elwood, 2004). Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa sebanyak empat strategi ucapan tahniah telah digunakan oleh responden iaitu, strategi alat peranti ilokusionari, ungkapan kebahagiaan, permintaan maklumat dan ungkapan pengesahan (Elwood, 2004).

Kajian Jahangard, Khanlarzade dan Latifi (2016) berfokus kepada ucapan tahniah dalam status Facebook berkenaan ulang tahun kelahiran. Kajian tersebut membincangkan perbandingan penggunaan ucapan tahniah dengan menggunakan ujian Chi-Square antara penutur Parsi dan Amerika (Jahangard et al., 2016). Terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan penutur dalam mengekspresikan ucapan tahniah berkaitan ulang tahun kelahiran di Facebook. Hasil kajian menunjukkan bahawa penutur bahasa Parsi dan penutur bahasa Inggeris Amerika, majoritinya menggunakan strategi alat peranti ilokusionari dan ucapan yang baik seperti "*I hope you achieve all your beautiful wishes*" (Jahangard et al., 2016).

Selain itu, kajian yang menggunakan Facebook juga telah dijalankan ke atas penutur Arab Saudi dengan meneliti ucapan tahniah dalam 11 situasi gembira (Mohammad Mahzari, 2017). Contohnya, kajian tersebut memperlihatkan ucapan tahniah yang diekspresikan dalam peristiwa kelahiran cahaya mata, pencapaian dalam pendidikan, perkahwinan dan kenaikan pangkat. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 23 strategi ucapan tahniah secara verbal dan 38 jenis emoji telah digunakan (Mohammad Mahzari, 2017). Dengan menggunakan teori kesantunan Brown dan Levinson (1987), dan teori Maksim Kesantunan Leech (2007), terdapat empat strategi ucapan tahniah yang dominan digunakan, iaitu alat peranti ilokusionari,

ucapan yang baik, pujian dan pernyataan yang menunjukkan keadaan (Mohammad Mahzari, 2017).

Maslida dan Karim (2015) telah menghuraikan lakuan bahasa yang digunakan dalam ruangan status Facebook yang menjadikan ruang jurnal personal dalam kalangan penutur. Kajian tersebut menggunakan kaedah analisis kandungan teks dengan melakukan pengumpulan sampel data sebanyak empat kali penelitian (Maslida & Karim, 2015). Data kajian merangkumi ungkapan status yang terdapat dalam bentuk jenaka, petikan dan bahasa berkias. Hasil kajian menunjukkan terdapat kombinasi beberapa lakuan bahasa berdasarkan teori lakuan bahasa Searle (1976).

Lakuan tutur direktif dikategorikan dengan adanya ungkapan mendoakan, manakala lakuan tutur ekspresif menunjukkan penggunaan ungkapan kesyukuran dengan kata 'Alhamdulillah' (Maslida & Karim, 2015). Terdapat perkara yang menarik dalam kajian Maslida dan Karim (2015), iaitu kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapatnya lakuan bahasa pengucapan tahniah di Facebook. Penggunaan lakuan adalah untuk menyampaikan tujuan, matlamat, kehendak dan idea komunikasi (Aminnudin, 2021).

Hasil kajian lepas menunjukkan penggunaan strategi ucapan tahniah sebagai respons penutur terhadap peristiwa-peristiwa gembira yang merentasi bahasa dan budaya. Dapatan kajian lepas juga memperlihatkan analisis bentuk lakuan bahasa digunakan dalam pelbagai peristiwa yang melibatkan penggunaan bahasa secara bersemuka dan tidak bersemuka. Dapatan tersebut telah memberikan input yang bermanfaat kepada kajian ini.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian etnografi dalam talian (*online ethnography*). Kajian etnografi dalam talian merupakan satu pendekatan dalam kajian kualitatif yang meneliti dan membuat pemerhatian secara mendalam terhadap kehidupan dan aktiviti sosial masyarakat dalam kehidupan sebenar. Kehidupan dan aktiviti sosial ini dipindahkan kepada pemerhatian yang berbentuk lapangan digital (Georgalou, 2017). Dengan menggunakan pendekatan etnografi dalam talian, maka teknik pengumpulan data yang digunakan ialah teknik pemerhatian dalam talian dan temu bual. Analisis data pula melibatkan analisis kandungan. Pengumpulan data dijalankan selama 10 bulan Kelulusan etika telah diperoleh sebelum pengumpulan data.

Sumber Data

Data daripada Facebook telah dipilih kerana Facebook merupakan salah satu media sosial yang paling dominan digunakan oleh rakyat Malaysia. Sebanyak 26 juta pengguna media sosial di Malaysia. Sebanyak 86% pengguna mempunyai akaun Facebook yang merupakan pengguna aktif yang berumur 18 hingga 44 tahun, iaitu sebanyak 77.8% daripada keseluruhan peringkat umur pengguna lelaki dan perempuan (Kemp, 2020). Oleh sebab Facebook merupakan media sosial yang dominan, ucapan tahniah yang diujarkan oleh pengguna Facebook terhadap sesuatu peristiwa gembira yang disiarkan dalam kiriman status dan komen akan menjadikan peristiwa tersebut dominan dalam halaman suapan berita (*news feed*) akaun pengguna berdasarkan algoritma Facebook (Rader & Gray, 2015).

Data Facebook dianggap sebagai himpunan data semula jadi yang meliputi tingkah laku termasuklah cara pengguna Facebook mengucapkan tahniah (Mohammad Mahzari, 2017). Data Facebook secara langsung mencerminkan penggunaan sebenar sesebuah bahasa memberikan ucapan tahniah dalam konteks sosial dan bahasa (Mohammad Mahzari, 2017).

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data melibatkan kaedah pemerhatian dan temu bual.

Pemerhatian

Kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian penuh iaitu pemerhati tidak terlibat dalam aktiviti yang dikaji. Tujuan pemerhatian dilakukan adalah untuk menentukan aspek-aspek yang boleh diperhatikan. Dalam hal ini, aspek yang diperhatikan dalam kajian ucapan tahniah dengan meneliti kiriman status dan komen berkaitan peristiwa-peristiwa yang diklasifikasikan sebagai peristiwa gembira. Pemerhatian ini dijalankan dengan menggunakan kata kunci yang bersesuaian berkaitan peristiwa-peristiwa tersebut contohnya, 'tahniah' + peristiwa 'selamat bertunang'. Ternyata ungkapan ini adalah selari dengan perbuatan pengguna Facebook Melayu yang juga menggunakan ungkapan tersebut sebagai respons terhadap peristiwa gembira (pertunangan). Oleh itu, kiriman ungkapan ini telah menepati salah satu aspek pemerhatian dalam prosedur pengumpulan data kajian.

Pemerhatian dalam kajian ini juga meneliti aspek pengujaran ucapan tahniah dan ungkapan-ungkapan yang berkolokasi dengan ujaran tahniah, mahupun yang tidak berkolokasi dengan ujaran tahniah, terutamanya oleh pengguna Facebook Melayu. Hal ini demikian kerana terdapat penggunaan ungkapan dalam bahasa Inggeris seperti '*congratulation*' atau '*congrats*'.

Seterusnya, pemerhatian dilakukan dengan meneliti aspek u ujaran yang diungkapkan adalah selari dengan peristiwa gembira yang dipilih. Ungkapan komen terhadap kiriman status yang digunakan mestilah menunjukkan respons gembira bersesuaian dengan matlamat penyampaian kata tahniah dan bentuk lakuan bahasa yang digunakan. Aspek ini diperhatikan dengan teliti kerana kemungkinan untuk melihat pengungkapan respons ucapan tahniah yang berunsurkan sindiran atau perlian. Hal ini dikatakan demikian kerana sindiran atau perlian yang bersifat negatif sama sekali tidak menepati tujuan atau niat pengujaran sebenar kata tahniah yang merupakan ucapan positif yang bermakna selamat atas sesuatu kejayaan. Aspek-aspek yang diperhatikan dalam kaedah pemerhatian ini membantu untuk memberikan interpretasi dan memperoleh satu fahaman baru tentang lakuan bahasa ekspresif tahniah dalam kalangan pengguna Facebook Melayu.

Pemerhatian dalam peristiwa gembira di Facebook tidak memerlukan pengkaji untuk menunggu berlakunya "tindakan" atau "tingkah laku" oleh pengguna Facebook kerana kelebihan platform ini adalah mudah diakses pada bila-bila masa. Pemerhatian ini tidak dijalankan pada waktu yang spesifik seperti waktu atau masa yang tertentu (seperti pagi, petang atau malam) sepanjang tempoh pengumpulan data. Hal ini dikatakan demikian kerana data daripada Facebook dapat diakses dengan mudah dengan hanya menggunakan kata kunci yang bersesuaian. Buktinya, sehingga hari ini, setiap pengguna Facebook dapat mencari kebanyakan kiriman status dan komen dari tahun-tahun yang lepas dengan menggunakan kata kunci sahaja.

Setelah mendapat aspek-aspek yang dikehendaki daripada pemerhatian yang dibuat, persetujuan dan kebenaran informan diperoleh bagi meneruskan proses pengumpulan data dan analisis data. Selepas mendapat persetujuan informan, maklumat demografi seperti umur, bangsa dan bahasa pertuturan informan yang dominan diperoleh. Kedua-dua borang persetujuan dan borang maklumat demografi informan telah diedarkan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Forms* melalui mesej peribadi di *Facebook Messenger*. Data terpilih yang mendapat persetujuan informan dan menepati skop kajian diterima untuk dijadikan data kajian. Persetujuan informan adalah penting untuk sesuatu kajian seperti yang dinyatakan oleh *Association of Internet Researchers* (AoIR) bahawa penyelidikan dengan menggunakan data daripada Internet juga perlu mendapatkan persetujuan untuk melindungi hak informan. Hal ini dilakukan bagi mengelakkan berlaku penganiayaan walaupun tetapan maklumat tersebut dalam mod umum (Placencia & Lower, 2013).

Setelah itu, data ini dikumpul dan disimpan secara manual dengan cara 'salin dan tampal' (*copy and paste*) tanpa mengubah struktur kata dan ayat dari aspek tatabahasa, penggunaan kata singkatan, bahasa slanga dan dialek (seperti dalam Jadual 1). Data yang dicari dan diperoleh dimasukkan ke dalam jadual bagi memudahkan semakan semula penggunaan ucapan tahniah berdasarkan konteks situasi untuk dianalisis dalam langkah yang seterusnya.

Jadual 1: Contoh pengumpulan data

PERISTIWA: Pertunangan **KATA KUNCI: tahniah + selamat bertunang** **TARIKH: 12 JUN 2020**			
Bil	**Nama *Facebook*/pautan**	**Status**	**Komen**
1	A1 (pautan)	Tahniah XX. Selamat bertunang dan semoga tabah menghadapi ujian bertunang ❤️*otw to my club* 😘😀	Tahniah sahabat kita. Smga selamat semuanya hgga ke jinjang pelamin. Tahniah XX. Smga dpermudahkan sgla urusan awk.

Temu bual

Setelah mendapat data berdasarkan kaedah pemerhatian yang dijalankan, temu bual dilakukan untuk mengukuhkan dapatan pemerhatian dari sudut interpretasi pengguna Facebook Melayu berkaitan lakuan bahasa ucapan tahniah yang digunakan. Bagi tatacara temu bual, kaedah temu bual separa struktur, iaitu temu bual yang dijalankan dengan separa formal digunakan.

Analisis Data


Analisis kandungan teks dengan analisis tema digunakan untuk mengkategorikan lakuan bahasa ucapan tahniah yang digunakan oleh pengguna Facebook Melayu. Terdapat beberapa langkah yang digunakan untuk menganalisis kandungan teks dapatan kajian.

Bentuk-bentuk ucapan tahniah yang digunakan oleh pengguna Facebook Melayu telah dikenal pasti, terutamanya ucapan tahniah dalam bentuk tulisan dalam pelbagai peristiwa. Terdapat pelbagai bentuk ucapan tahniah yang digunakan seperti tulisan, gambar, simbol, pelekat (*sticker*) dan emoji. Walau bagaimanapun, kajian ini berfokus kepada ucapan tahniah yang berbentuk tulisan. Hal yang demikian kerana kajian ini membincangkan ucapan tahniah yang diujarkan berdasarkan konteks dan proses teks.

Bagi data temu bual, data ditranskripsi dan dianalisis berdasarkan teori dan interpretasi informan terhadap penggunaan strategi ucapan tahniah di Facebook. Data dianalisis dengan analisis tema dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas berkaitan kajian ucapan tahniah dengan mengkategorikan strategi ucapan tahniah. Misalnya, strategi ucapan tahniah yang terdiri daripada strategi alat peranti ilokusionari, ungkapan kesyukuran, nasihat dan sebagainya. Seterusnya, data dianalisis dengan analisis tema yang bertumpukan kepada teori lakuan bahasa oleh Searle (1976) yang menggambarkan tindakan semula jadi pengguna Facebook Melayu terhadap perkongsian kiriman status peristiwa gembira.

TEORI LAKUAN BAHASA

Teori lakuan bahasa merupakan teori yang menghuraikan cara lakuan tersebut dijalankan dalam ujaran (Searle, 1969). Contohnya, apabila mengujar ayat 'Minta maaf saya tidak dapat hadir', ujaran ini menunjukkan lakuan pengakuan maaf. Teori lakuan bahasa ini mengandaikan bahawa dalam menyampaikan makna, ujaran juga perlu menunjukkan cara lakuan itu dilaksanakan sebagai satu tindakan yang khusus (Huang, 2007). Searle (1976) telah mencadangkan lima bentuk lakuan bahasa yang dikategorikan dengan fungsi lakuan bahasa tersebut digunakan dan adanya penggunaan kata kerja dalam ungkapan pertuturan.



Rajah 1: Lima bentuk lakuan bahasa (Searle, 1976)

Ujaran yang digunakan untuk menggambarkan keadaan atau peristiwa dan dinilai benar atau palsu. Ujaran yang digunakan untuk mendapatkan respons pendengar untuk melakukan sesuatu tindakan atau menyatakan keadaan psikologi. Pernyataan dalam ujaran tersebut membuat perubahan sesuatu perubahan (Searle, 1976).

Setiap bentuk lakuan bahasa mempunyai fungsi komunikasi yang membolehkan setiap maklumat disampaikan dengan baik dalam pertuturan. Berdasarkan teori lakuan bahasa Searle (1976), ujaran merupakan suatu perlakuan yang diteliti. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada panduan berdasarkan penulisan Searle (1976) yang mengkategorikan lakuan bahasa berdasarkan beberapa kata kerja seperti dalam Jadual 2.


Jadual 2:Contoh kata kerja dalam kategori lakuan bahasa (Searle, 1976)

Lakuan bahasa	**Contoh**
Representatif	Menyatakan, menyimpulkan, mengkelaskan
Direktif	Mengarahkan, meminta
Komisif	Berjanji, bersumpah
Ekspresif	Mengucapkan tahniah, berterima kasih, meminta maaf
Deklaratif	Mengisytiharkan, meletak jawatan

Jadual 2 mengkategorikan bentuk-bentuk lakuan bahasa dengan adanya penggunaan kata kerja dalam ujaran penutur. Berdasarkan huraian teori yang diperoleh daripada Searle (1976), kajian ini telah mengadaptasikan lakuan bahasa *tahniah* yang digunakan oleh pengguna Facebook Melayu berdasarkan teori lakuan bahasa Searle (1976) untuk menganalisis dan membincangkan dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati sebanyak 1643 ungkapan lakuan bahasa ucapan *tahniah* telah digunakan dalam ruangan komen di Facebook. Rajah 2 menunjukkan tiga kategori lakuan bahasa yang digunakan dalam interaksi ucapan tahniah di Facebook, iaitu lakuan bahasa ekspresif, lakuan bahasa representatif dan lakuan bahasa direktif.



Rajah 2: Bilangan penggunaan lakuan bahasa dalam interaksi ucapan *tahniah*

Berdasarkan Rajah 2 kategori lakuan bahasa ekspresif menunjukkan jumlah penggunaan paling tinggi berbanding dengan lakuan bahasa representatif dan lakuan bahasa direktif. Ujaran lakuan bahasa ekspresif yang digunakan ialah pengungkapan kata '*tahniah*' tanpa gabungan dengan kata atau ayat yang lain. Ungkapan kata '*tahniah*' menggambarkan emosi penutur seperti emosi gembira, seronok dan suka terhadap peristiwa gembira yang dikongsikan dalam kiriman status kenalan pengguna Facebook. Lakuan bahasa ekspresif yang terdiri daripada tindakan mengucapkan kata 'tahniah' merupakan tindakan semula jadi yang banyak digunakan sebagai respons ucapan *tahniah* dalam bahasa Melayu dalam ruangan komen di Facebook. Respons ini juga mempunyai persamaan dengan respons pengguna Facebook dalam bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris. Lakuan bahasa ekspresif yang digunakan dalam peristiwa yang dikaji merangkumi tindakan mengekspresikan perasaan peribadi penutur secara semula jadi, iaitu penutur tidak membuat-buat dalam menyampaikan ungkapan ekspresif (Searle, 1976). Misalnya, penggunaan kata bagi mengucapkan syukur, memohon maaf dan memuji. Lakuan bahasa representatif pula merangkumi penggunaan kata berkaitan peristiwa seperti pernyataan ucapan selamat dan disertakan dengan 'peristiwa' yang dikongsikan, manakala lakuan bahasa direktif dianalisis berdasarkan penggunaan kata yang memberikan nasihat dan bertanyakan soalan.

Kajian ini mendapati wujudnya kolokasi perkataan 'tahniah' dengan perkataan-perkataan lain yang membentuk lakuan bahasa gabungan seperti gabungan lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa representatif dan lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa direktif. Lakuan bahasa gabungan telah memperlihatkan kata 'tahniah' dalam bahasa Melayu yang diujarkan dengan membawa makna tertentu dan maklumat tambahan dalam ungkapan. Oleh itu, penggunaan ujaran kata tahniah dan ayat lain telah memberikan makna yang lain selain makna ekspresi gembira pengguna Facebook. Contohnya, ungkapan 'Tahniah,

selamat bertunang' yang mengandungi gabungan lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa representatif yang menghasilkan kolokasi kata tahniah dengan ucapan 'selamat bertunang'. Pernyataan ungkapan 'Selamat bertunang' menjelaskan makna ucapan selamat atas pertunangan yang diraikan atau pengucapan tahniah dengan pernyataan yang lebih jelas dengan kata kerja 'bertunang' bagi sebuah peristiwa pertunangan.

Di samping itu, kajian ini menunjukkan penggunaan ujaran tidak langsung dalam ucapan tahniah dalam ruangan komen di Facebook. Hal ini dikatakan demikian kerana dapatan ini menunjukkan perkongsian respons ucapan tahniah oleh pengguna Facebook yang telah digunakan tanpa kolokasi dengan kata tahniah. Misalnya:

(1) Ungkapan "Kawin (kahwin) ke tunang?" (Lakuan bahasa direktif persoalan)

(2) Ungkapan "*Wow* hebattt3" (Lakuan bahasa ekspresif pujian)

Lakuan Bahasa Ekspresif

Lakuan bahasa ekspresif dalam reaksi ucapan tahniah yang digunakan dalam Facebook menunjukkan bahawa penutur mengucapkan tahniah dengan menggunakan kata tahniah. Pengucapan tahniah merupakan tindakan semula jadi yang digunakan sebagai interaksi atau respons terhadap peristiwa gembira. Kata tahniah merupakan alat peranti ilokusionari atau *illocutionary force indicating device (*IFID) yang berfungsi sebagai tindakan ujaran semula jadi penutur dalam memberikan respons terhadap sesuatu berita gembira. Misalnya, lakuan bahasa ekspresif tahniah telah dikenal pasti dengan penggunaan kata kerja '*congratulate*' yang diterjemahkan sebagai 'mengucapkan tahniah' oleh Searle (1976, hlm. 12). Walau bagaimanapun, bahasa Melayu kolokial menunjukkan penggunaan ungkapan tahniah mencukupi untuk menggambarkan kata kerja 'mengucapkan tahniah' dalam bahasa Melayu standard.

Lakuan Bahasa Ekspresif 'Tahniah'

Sebanyak 762 kekerapan penggunaan kata tahniah secara tunggal dan bergabung oleh pengguna Facebook Melayu untuk mengucapkan tahniah. Jumlah penggunaan kata tahniah yang tinggi dalam Facebook menunjukkan bahawa kata tahniah merupakan tindakan asas oleh pengguna Facebook untuk mengekspresikan perasaan gembira yang sama kepada kenalan mereka sama ada kenalan tersebut merupakan kenalan rapat atau kenalan yang tidak rapat. Jadual 3 menunjukkan kiriman status dan interaksi komen dalam peristiwa kejayaan dalam pelajaran atau bergraduasi.

Jadual 3: Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif *tahniah* dalam peristiwa graduasi

Kiriman status

S1 : Alhamdulilah,
2X September 201X,
Tamat secara rasminya dan telah berkonvokesyen di Universiti XX.
Istimewa sempena ulang tahun ke-X Universiti XX.
Semoga diberikan kekuatan, kemudahan, kelapangan untuk terus menimba ilmu di peringkat seterusnya. Semoga ada rezeki nanti. InsyaaAllah.

Interaksi komen

K1 : Tahniah bro!
K2 : Tahniah abe
K3 : tahniah
K4 : Tahniah (A1) 🥇

Lakuan Bahasa Ekspresif Tahniah + Lakuan Bahasa Ekspresif 'Syukur'

Lakuan bahasa ekspresif dengan ungkapan syukur telah digunakan untuk mengekspresikan tindakan penutur sebagai tanda rendah diri dengan kejayaan dan kegembiraan yang diberikan oleh Tuhan (Maslida & Karim, 2015). Pengguna Facebook Melayu menggunakan kata syukur '*Alhamdulillah*' (Segala Puji bagi Allah) yang berasal daripada perkataan Arab yang menterjemahkan makna kesyukuran dan pujian kepada Allah atas kejayaan atau kegembiraan yang diperoleh. Lakuan bahasa ekspresif dengan ungkapan kesyukuran menjelaskan bahawa penutur mengadaptasikan unsur keagamaan yang mengembalikan rasa rendah diri kepada Tuhan Yang Maha Memberi segala kegembiraan dan kejayaan.

Analisis penggunaan ungkapan lakuan bahasa ekspresif 'syukur' berkolokasi dengan kata *tahniah* sebagai respons terhadap ucapan tahniah dalam ruangan komen di Facebook. Jadual 4 menunjukkan kiriman status dalam peristiwa pertunangan dan interaksi komen yang menggunakan lakuan bahasa ekspresif syukur.

Jadual 4: Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif *tahniah* dan lakuan bahasa ekspresif 'syukur' dalam peristiwa pertunangan

Kiriman status	
S3	: Tahniah buat adk abg.. Selamat bertunang
Interaksi komen	
K9	: Tahniah3! Alhamdulillah
K10	: Tahniah dikk.. Alhamdulillah syukur..

Informan kiriman status S3 dalam Jadual 4 mengucapkan *tahniah* kepada adiknya dan diikuti dengan ucapan selamat, iaitu ungkapan 'Selamat bertunang'. Kiriman status S3 digunakan secara ringkas dan bersifat eksplikatur (tersurat). Interaksi bertulis dalam komen K9 dan K10 menunjukkan penggunaan lakuan bahasa ekspresif kata *tahniah* yang berkolokasi dengan ungkapan ekspresif 'syukur'. Informan menggunakan ungkapan 'Alhamdulillah' yang berfungsi untuk menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Tuhan terhadap kegembiraan yang dilalui oleh kenalannya yang terlibat dalam peristiwa pertunangan.

Lakuan Bahasa Ekspresif Tahniah + Lakuan Bahasa Ekspresif 'Terima Kasih'

Kajian ini menunjukkan terdapatnya penggunaan lakuan bahasa ekspresif dengan ungkapan berterima kasih yang merupakan satu bentuk ekspresi penghargaan kepada seseorang individu yang telah berjasa kepada kita (Abd Ganing et al., 2019). Informan telah menggunakan kata 'terima kasih' dengan kolokasi kata tahniah sebagai tindakan terhadap ucapan tahniah kepada individu yang terlibat dalam peristiwa secara langsung ataupun tidak langsung.

Informan kiriman status S5 dalam Jadual 5 menzahirkan rasa syukur dan rendah diri kepada Tuhan atas kelahiran bayinya dengan ungkapan 'Alhamdulillah' (Segala Puji bagi Allah) dalam bahasa Arab serta menyatakan jantina, masa dan tarikh kelahiran bayinya. Informan S5 juga menyatakan doa untuk bayinya agar menjadi anugerah dan harta kepada kedua ibu bapa di dunia dan akhirat serta meminta kenalannya untuk mendoakan bayi mereka dengan ungkapan 'Doakan puteri kami ini supaya membesar dengan penuh keafiaatan (keadaan yang sihat)'. Ungkapan ekspresif 'terima kasih' dalam interaksi komen K12 yang diekspresikan dengan kolokasi kata tahniah digunakan untuk menyatakan penghargaan kepada informan kiriman status S5.

Jadual 5: Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif *tahniah* dan bahasa ekspresif 'terima kasih' dalam peristiwa kelahiran bayi

Kiriman status	
S5	: Alhamdulillah.. selamat melahirkan bayi perempuan, 9.XX pagi, 1X Februari 202X. Moga puteri solehah ini menjadi "nikmat" dan saham dunia akhirat untuk kedua orang tuanya. Doakan puteri kami ini supaya membesar dengan penuh keafiaatan. Allahumma Ameen
Interaksi komen	
K12	: Tahniah sygku. Terima kasih byk2 atas perjuangan syg melahirkan anak kita 😊😍

Lakuan Bahasa Ekspresif Tahniah + Lakuan Bahasa Representatif 'Gurauan'

Ungkapan gurauan telah dikelaskan kepada lakuan bahasa representatif yang digunakan untuk menyatakan proposisi yang menunjukkan keadaan yang benar atau palsu. Jenaka atau gurauan didefinisikan sebagai kebolehan seseorang, objek, situasi atau perkataan yang dapat membangkitkan perasaan terhibur atau gembira (Shaffe et al., 2011). Oleh hal yang demikian, ungkapan gurauan yang digunakan sebagai respons mengucapkan *tahniah* dalam kiriman status dan interaksi komen di *Facebook* dapat mengurangkan situasi yang tegang dengan cepat (Desberg et al., 1981 dalam Shaffe et al., 2011). Ungkapan gurauan juga membantu untuk mengurangkan tekanan dan kerungsingan dalam pertuturan (Shaffe et al., 2011). Dengan itu, kajian ini membuktikan penggunaan ungkapan gurauan sebagai respons terhadap ucapan *tahniah* dalam bentuk penyataan yang diikuti dengan emoji ketawa dan ungkapan ketawa yang ditulis, misalnya 'hahaha' yang digunakan oleh kebanyakan penutur Melayu (BBC Mundo & Ontiveros, 2019). Selain itu, kiriman status atau interaksi komen dengan ungkapan gurauan hanya digunakan oleh kebanyakan penutur dengan kenalan rapat mereka di Facebook.

Jadual 6: Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif *tahniah* dan lakuan bahasa representatif 'gurauan' dalam peristiwa pertunangan

Kiriman status	
S11	: Alhamdulillah, selesai untuk hari ni di mana Majlis Pertunangan adikku (C2). Tahniah! Ok Done. Adik dah bertunang, dan tak lama lagi akan makan nasi minyak 😊 Abang dia bila pulak? 🤔😂
Interaksi komen	
K19	: Tahniah.. Bukan ke abang dia janji nak makan nasi minyak sekali ke? Hahahh 😆 Semoga dipermudahkan urusan dua2 abang adik👐

Jadual 6 menunjukkan kiriman status dan interaksi komen dalam peristiwa pertunangan. Kiriman status S11 didahulukan dengan rasa syukur dengan majlis yang telah selesai dijalankan dan diikuti dengan ucapan *tahniah*. Informan meluahkan dan menyatakan persoalan secara bermonolog dalam kiriman statusnya dengan ungkapan 'Adik dah bertunang, dan tak lama lagi akan makan nasi minyak' dan ungkapan 'Abang dia bila pulak?'. Kiriman status S11 merupakan ungkapan eksplikatur yang menunjukkan makna pengucapan tahniah kepada adiknya dan ungkapan monolog dengan memperlihatkan pernyataan dan persoalan kepada dirinya sendiri. Interaksi komen K19 menggunakan ungkapan persoalan yang diinterprestasikan sebagai sindiran yang berunsurkan gurauan oleh informan, iaitu ungkapan 'Bukan ke abang dia janji nak makan nasi minyak sekali ke?'. Informan juga menyatakan ungkapan ketawa 'Hahahh' berserta emoji (😆) bagi menjelaskan gurauan dalam komennya yang berkolokasi dengan ucapan *tahniah* atas pertunangan C2.

Lakuan Bahasa Ekspresif Tahniah + Lakuan Bahasa Direktif 'Selamat'

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat penggunaan ungkapan direktif yang didahului dengan kata 'selamat' oleh kebanyakan pengguna Facebook Melayu. Ucapan selamat merujuk kepada ucapan harapan kepada individu yang terlibat agar tercapai apa yang dihajati (Abd Ganing et al., 2019). Ucapan selamat dalam kajian ini juga berfungsi sebagai ucapan tahniah yang lebih khusus dengan pernyataan peristiwa yang berkaitan dengan individu yang terlibat dalam perkongsian kiriman status di Facebook. Jadual 7 menunjukkan kiriman status dan interaksi komen dalam peristiwa kelahiran bayi.

Jadual 7: Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif *tahniah* dan lakuan bahasa representatif 'selamat' dalam peristiwa kelahiran bayi

Kiriman status	
S12	: Segala puji bagi Allah Yang Maha Esa. Alhamdulillah. Bermula perjuangan dalam membesarkan seorang mujahid, semoga dalam lindungan Allah selalu. #201X201X #buahhatiumiwalid #anakketiga #hadiahenebeseri
Interaksi komen	
K22	: tahniah kak (C1)..selamat berpantang 🤗
K23	: Tahniah along, selamat berpantang.

Penutur kiriman status S12 mendahulukan kiriman statusnya dengan kata pujian dan kesyukuran kepada Tuhan dengan ungkapan 'Segala puji bagi Allah Yang Maha Esa' dan 'Alhamdulillah' (Segala Puji bagi Allah) dalam bahasa Arab. Informan berkongsi tentang kelahiran bayinya dengan ungkapan implikatur (tersirat), iaitu ungkapan 'Bermula perjuangan dalam membesarkan seorang mujahid (pejuang)' yang bermaksud bermula usaha untuk membesarkan bayinya untuk menjadi orang yang berguna kepada agama. Informan menggunakan kata 'mujahid' yang bermaksud 'pejuang dalam agama' (agama Islam khususnya). Penutur menyamakan ungkapan 'membesarkan seorang mujahid' untuk membesarkan anaknya yang memperlihatkan cita-citanya untuk menjayakan satu amanah yang besar dalam pendidikan ummah. Informan S12 juga menyatakan doa memohon perlindungan dengan ungkapan 'semoga dalam lindungan Allah selalu'.

Interaksi komen yang ditunjukkan dalam komen K22 dan K23 menggunakan kata *tahniah* dan ungkapan representatif yang menyatakan peristiwa dengan kata kunci 'selamat'. Kedua-dua komen tersebut menggunakan ungkapan pernyataan peristiwa 'selamat berpantang' yang disampaikan kepada pemilik kiriman status S13, iaitu ibu yang melahirkan anaknya. Ucapan 'selamat berpantang' merujuk kepada ucapan selamat atau tahniah kepada individu yang terlibat dalam satu tempoh berpantang selepas bersalin. Oleh itu, ucapan selamat yang digunakan telah memberikan harapan kepada individu yang terlibat untuk berehat untuk mengembalikan kesihatan selepas bersalin. Jadual 8 pula menunjukkan kiriman status dan interaksi komen dalam peristiwa perkahwinan.

Jadual 8: Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif *tahniah* dan lakuan bahasa representatif 'selamat' dalam peristiwa perkahwinan

Kiriman status
S13 : Barakallahu laka baraka 'alaika wa jama'a bainakuma fiil khairin Artinya: "Mudah-mudahan Allah memberkahi engkau dalam segala hal (yang baik) dan mempersatukan kamu berdua dalam kebaikan"
Selamat pengantin baru buat kedua anakanda yg di kasihi,, selamat menempuh dunia yg penuh dugaan,,, semoga Allah persatukan kamu dalam kebaikan,, aamiin,,,
Interaksi komen
K24 : Tahniah.. Selamat pengantin baru kpd kedua2 pasangan
K25 : Tahniah.. selamat menjalani bahtera alam rumah tangga.. 💝

Kiriman status S13 dalam Jadual 10 dimulakan dengan doa dalam bahasa Arab dan disertakan dengan terjemahan dalam bahasa Indonesia yang memohon keberkatan kepada pasangan mempelai. Informan S14 menyatakan ucapan berkaitan peristiwa kepada anak-anaknya dengan ungkapan 'Selamat pengantin baru buat kedua anakanda yang dikasihi'. Informan juga mengungkapkan ucapan selamat dengan ungkapan 'selamat menempuh dunia yang penuh dugaan' dan harapan dengan mendoakan kedua-dua anaknya dengan ungkapan 'semoga Allah persatukan kamu dalam kebaikan'. Ungkapan dalam kiriman status S14 yang bersifat eksplikatur berfungsi sebagai ucapan tahniah dan doa yang dikirimkan oleh informan kepada anaknya.

Interaksi komen dalam Jadual 10 menunjukkan kolokasi ungkapan ekspresif *tahniah* dengan lakuan bahasa representatif. Informan menggunakan kolokasi kata *tahniah* dengan menyatakan peristiwa yang diraikan dengan kata kunci selamat, misalnya 'Tahniah.. Selamat pengantin baru kepada *kedua2* (kedua-dua) pasangan'. Terdapat juga interaksi komen dengan ungkapan lakuan bahasa representatif 'ucapan selamat', contohnya 'selamat menjalani bahtera alam rumah tangga'.

PERBINCANGAN

Pengguna Facebook Melayu memberikan ujaran *tahniah* dalam pelbagai bentuk. Didapati bahawa dalam ujaran ini pengguna bukan sahaja menggunakan bahasa Melayu, malahan mengujarkan ungkapan ini dalam bahasa Inggeris. Ujaran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, iaitu '*Congratulations*' misalnya menunjukkan bahawa informan dalam kajian ini merupakan penutur dwibahasa atau multibahasa, yakni mereka yang telah menerima pendedahan kepada bahasa Inggeris sekurang-kurangnya setahun.

Di samping itu, informan dalam kajian ini menggunakan dialek-dialek dalam bahasa Melayu dalam lakuan bahasa ucapan tahniah. Penggunaan dialek ini menunjukkan bahawa Facebook merupakan platform media sosial yang bersifat rasmi dan tidak rasmi. Penggunaan dialek dalam ujaran ini menunjukkan bahawa peristiwa tersebut dihebahkan dalam bentuk tidak rasmi. Ujaran tidak rasmi bermaksud ujaran yang tidak tergolong sebagai bahasa baku yang mengikut standard tatabahasa yang tepat. Kajian Maslida dan Karim (2015) yang menumpukan kepada kajian bahasa dalam Facebook juga menunjukkan penggunaan bahasa yang tidak rasmi oleh kebanyakan pengguna Facebook.

Hasil kajian menunjukkan bahawa ujaran tahniah dalam bahasa Melayu merupakan lakuan bahasa ekspresif. Penggunaan kata 'tahniah' sebagai alat peranti ilokusionari ialah tindakan semula jadi yang diekspresikan oleh setiap pengguna Facebook Melayu dalam interaksi komen sebagai respons terhadap ucapan tahniah dalam kiriman status. Maslida dan Karim (2015) menyatakan bahawa mengucapkan tahniah merupakan salah satu lakuan

bahasa ilokusionari yang merujuk kepada fungsi yang dihajati oleh penutur yang juga dipanggil sebagai tindakan ilokusyenari atau titik ujaran. Elwood (2004) dan Mohammad Mahzari (2017) juga telah mengkategorikan ucapan *Congratulation!* sebagai strategi alat peranti ilokusionari atau *illocutionary force indicating device* (IFID) dalam kajian strategi ucapan tahniah. Berdasarkan dapatan kajian ini, Searle (1976) menyatakan bahawa perbuatan mengucapkan tahniah dilihat daripada penggunaan kata kerja ekspresif '*congratulate*'. Dengan ini, kata kerja ekspresif ini diterjemahkan kepada 'mengucapkan tahniah' dalam bahasa Melayu. Pengguna Facebook Melayu juga mengaplikasikan bahasa kolokial dalam bentuk tulisan digital dalam variasi bahasa kolokial bahasa Melayu. Kebanyakan penutur dapat memahami ucapan kata tahniah secara tunggal sebagai perbuatan mengucapkan tahniah kepada orang lain berdasarkan konteks situasi. Misalnya, ucapan kata tahniah terhadap perkongsian peristiwa perkahwinan, graduasi, kelahiran bayi dan sebagainya dalam bentuk tulisan dalam kiriman status di Facebook.

Kajian ini menegaskan bahawa kata tahniah merupakan bentuk lakuan ekspresif yang diujarkan dalam pelbagai peristiwa bahasa yang digambarkan sebagai peristiwa gembira. Pengguna Facebook yang berbangsa Melayu bukan sahaja menggunakan bahasa Melayu 'tahniah', akan tetapi menggunakan ungkapan *'congratulations*'. Kedua-dua kata ini mempunyai makna yang sama. Pengujaran kata tahniah dan '*congratulations*' menunjukkan bahawa pengguna Facebook Melayu terdiri daripada penutur dwibahasa. Penemuan ini selari dengan dapatan kajian Pishghadam dan Morady (2011) yang menunjukkan bahawa ungkapan *'My congratulation'* dalam bahasa Inggeris dan ungkapan *'mobāræk bāše'* dalam bahasa Persia disenaraikan sebagai tawaran ucapan tahniah. Oleh itu, pengelasan ungkapan '*congratulation*' dan *'mobāræk bāše'* dalam kajian yang menumpukan kepada analisis lakuan bahasa tahniah dalam filem bahasa Parsi dan bahasa Inggeris telah dikelaskan kepada lakuan bahasa ekspresif. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa ujaran ekspresif penutur dwibahasa juga dikelaskan sebagai lakuan bahasa ekspresif.

Bentuk lakuan ilokusi tahniah dalam konteks linguistik menunjukkan ekspresif dan merentas bahasa menunjukkan bahawa kata tahniah merupakan penerimaan oleh pengguna bahasa yang menghargai pencapaian atau kejayaan seseorang. Dalam konteks komunikasi Facebook, Maiz-Arévalo (2013) menyatakan bahawa keterbatasan komunikasi tanpa bersemuka dalam Facebook menyebabkan banyaknya pertukaran dalam bentuk bahasa bukan verbal. Oleh itu, bentuk ilokusi tahniah merupakan satu pujian dalam bentuk bukan verbal. Hal ini juga sama seperti dengan penggunaan emoji. Dalam konteks ini, Maiz-Arévalo (2013) menyatakan bahawa Facebook menggunakan banyak reaksi bahasa bukan verbal dengan penyediaan bentuk-bentuk bahasa bukan verbal seperti emoji, emoji suka, kongsi dan sebagainya. Kajian ini berpendirian bahawa ujaran bahasa bukan verbal tahniah merupakan satu bentuk lakuan ilokusi, iaitu ekspresif dalam bentuk ucapan tahniah dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kerana pengguna Facebook ini merupakan penutur dwibahasa. Perkara ini juga disokong dengan hasil kajian Zeinab et al. (2015) dan Mohammad Mahzari (2017) yang mendapati tahniah merupakan satu alat peranti ilokusionari (*illocutionary force indicating device*) yang ditujukan sebagai satu bentuk pujian dalam bahasa bukan verbal seperti ayat (3).

(3) "*A thousand congratulations (you) doctor. It is a beautiful topic and promising idea*s" (Mohammad Mahzari, 2017, hlm. 146).

Ujaran kata 'tahniah' sahaja dalam Facebook tidak menunjukkan perbezaan antara ujaran kata tahniah secara bersemuka oleh penutur Melayu. Kajian Amir dan Zaitul Azma (2015) menunjukkan tahniah juga dikelaskan sebagai lakuan bahasa ekspresif yang disampaikan secara bersemuka. Walau bagaimanapun, ujaran tahniah secara bersemuka sedikit sahaja berbanding dengan ucapan tahniah dalam Facebook. Amir dan Zaitul Azma (2015) mendapati bahawa hanya 14 ungkapan sahaja disampaikan dalam konteks bersemuka. Pengujaran tahniah dalam Facebook ada banyak dan produktif pengucapannya. Misalnya dalam satu kiriman status berkenaan pengumuman atau gambar kejayaan seseorang dalam sukan, didapati bahawa hampir 100 pengguna Facebook mengujarkan ucapan tahniah sahaja.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa lakuan bahasa ekspresif tahniah boleh bergabung dengan lakuan bahasa ekspresif yang lain untuk menunjukkan fungsi dan makna tertentu. Bentuk lakuan ilokusi tahniah didapati bergabung dengan bentuk-bentuk lakuan ilokusi yang terdiri daripada lakuan ilokusi ekspresif yang lain yang ditunjukkan oleh ungkapan syukur, guraun dan selamat. Gabungan ini menunjukkan kata tahniah berfungsi sebagai kata yang mengungkapkan rasa gembira dan meluahkan rasa penghargaan.

Gabungan lakuan bahasa ekspresif tahniah dengan lakuan bahasa ekspresif syukur seperti dalam ayat (5) menunjukkan bahawa tindakan berterima kasih kepada orang yang lawan bertutur (Searle, 1976). Walau bagaimanapun, kata 'syukur' oleh pengguna Facebook Melayu telah diungkapkan dengan ucapan 'Alhamdulillah' yang bermaksud 'Segala Puji bagi Allah'. Ungkapan ini digunakan sebagai tanda rendah diri untuk mengucapkan kesyukuran atau pujian kepada Tuhan atas kegembiraan atau kejayaan yang diperoleh (Maslida & Karim, 2015). Kata 'Alhamdulillah' yang berasal daripada bahasa Arab ini telah dianalisis sebagai kesyukuran dalam kalangan pengguna Facebook Melayu disebabkan telah menjadi kelaziman dan merupakan salah satu bahasa kolokial dalam kalangan penutur bahasa Melayu untuk mengekspresikan kesyukuran. Kata 'Alhamdulillah' merupakan tindakan ujaran semula jadi secara spontan untuk mengekspresikan perasaan gembira dan bersyukur yang sama kepada pengirim status terhadap peristiwa yang dikongsikan di Facebook seperti dalam (4).

(4) Tahniah X. Alhamdulillah tamat jugak perjuangan degree X.

Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat keselarian dengan dapatan kajian lepas seperti kajian oleh Maslida dan Karim (2015) serta kajian oleh Nurul Syuhada dan Maslida (2019) yang mengkategorikan kata 'Alhamdulillah' sebagai lakuan bahasa ekspresif. Mohammad Mahzari (2017) juga mengelaskan kata 'Alhamdulillah' kepada ungkapan kesyukuran kepada Tuhan (*Thanking God*) yang digunakan sebanyak 54 kali oleh pengguna Facebook Arab Saudi.

Selain ungkapan 'Alhamdulillah', kajian ini juga menganalisis ucapan kata 'terima kasih' kepada lakuan bahasa ekspresif yang berkolokasi dengan lakuan bahasa ekspresif 'tahniah'. Lakuan bahasa ekspresif ini dikelaskan dengan kehadiran kata kerja ekspresif *'thank'*. Walaupun kata ekspresif 'terima kasih' bagi pengguna Facebook Melayu mempunyai perbezaan dengan ungkapan ekspresif 'Alhamdulillah', menurut T6, pengguna Facebook Melayu atau penutur Melayu lebih cenderung untuk menggunakan kata 'terima kasih' sebagai tanda syukur dan penghargaan kepada manusia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ungkapan pujian dikategorikan berdasarkan konteks makna yang dijelaskan oleh informan yang telah ditemu bual. Menurut informan, makna pujian yang digunakan secara eksplisit adalah untuk menyatakan sifat atau keadaan yang berkolokasi dengan ucapan tahniah.

Kajian ini membincangkan lakuan bahasa ucapan tahniah yang digunakan berkolokasi dengan lakuan bahasa representatif untuk menunjukkan penambahan makna kepada kata tahniah. Ungkapan gurauan ini menunjukkan bahawa pengguna Facebook Melayu turut menggunakan pernyataan yang berunsurkan jenaka dalam mengucapkan tahniah. Informan T2 mengatakan bahawa ungkapan gurauan digunakan untuk menyenangkan hati individu yang terlibat dalam peristiwa. Kajian oleh Nurul Syuhada dan Maslida (2019) juga menyatakan bahawa ungkapan gurauan telah digunakan untuk menggembirakan hati pendengar. Ungkapan gurauan yang dikelaskan kepada lakuan bahasa representatif memerlukan pandangan informan disebabkan kemungkinan timbulnya makna ungkapan implisit seperti perlian atau ejekan dalam ungkapan tersebut. Selain itu, terdapat beberapa simbol yang menguatkan analisis dapatan kajian berdasarkan interpretasi informan dalam temu bual yang dijalankan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lakuan bahasa ekspresif tahniah bergabung dengan lakuan bahasa direktif untuk menyampaikan makna tambahan dalam pengungkapan ucapan tahniah serta sebagai set peranti linguistik atau bukan linguistik yang digunakan dalam permulaan komunikasi (Hasmidar, 2013). Ungkapan kata 'selamat' bersama-sama dengan ujaran tahniah ini kemungkinan untuk menyampaikan ucapan dan pengungkapan perasaan, memenuhi kewajipan sosial dan mengukuhkan hubungan (Hasmidar, 2013). Dari aspek teori lakuan bahasa ujaran 'selamat' merupakan ujaran lakuan direktif. Hasmidar (2013) mendapati bahawa ucapan 'selamat' ini merupakan ujaran yang ekonomis dan menjimatkan usaha pendengar daripada mendengar ujaran yang panjang dan janggal. Oleh itu, kajian ini berpendirian bahawa ungkapan 'tahniah + selamat' merupakan satu bentuk lakuan direktif yang berfungsi sebagai pencetus komunikasi dan membantu untuk pendengar memahami erti ungkapan tersebut. Ujaran 'selamat + X' tidak mempunyai makna tetapi lebih kepada fungsi sosial.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat bentuk-bentuk komunikasi yang telah menjadi fungsi alat komunikasi antara pengguna Facebook Melayu di samping pengujaran ucapan tahniah dalam peristiwa gembira. Ucapan tahniah yang sering kali digunakan untuk seseorang itu mengekspresikan rasa gembira atas kejayaan orang lain untuk menzahirkan kegembiraan yang sama seperti pemilik kejayaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa lakuan bahasa tahniah telah diekspresikan dengan lakuan bahasa ekspresif tahniah yang digunakan secara tunggal dan gabungan lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa ekspresif yang lain. Penggunaan bentuk-bentuk lakuan bahasa ini telah menunjukkan cara pengguna Facebook Melayu menggunakan bahasanya untuk berkomunikasi antara satu sama lain melalui pengujaran ucapan tahniah.

Penggunaan kata 'tahniah' telah menjadi asas dalam mengekspresikan kegembiraan, keterujaan dan kebahagiaan yang sama dalam kalangan pengguna Facebook Melayu. Walau bagaimanapun, pengguna Facebook Melayu juga lebih cenderung menggunakan ungkapan-ungkapan lain dalam pengujaran ucapan tahniah. Kesemua kategori lakuan bahasa yang dianalisis ini menunjukkan adanya fungsi komunikasi yang jelas seperti pencetus komunikasi atau perbualan antara pengguna Facebook Melayu dalam perkongsian kiriman status berkaitan peristiwa-peristiwa gembira.

BIODATA

Nur Hamimah Muhammad Irahim merupakan graduan sarjana dalam Program Linguistik Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Penang. Penyelidikan beliau mengkhusus dalam bidang pragmatik. Emel: hamimah.irahim12@gmail.com

Norsofiah Abu Bakar ialah pensyarah kanan Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Penang. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang linguistik klinikal, sintaksis dan morfologi. Emel: abnorsofiah@usm.my

Maizura Osman ialah pensyarah kanan Program Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Selangor. Kecenderungan dan kepakaran beliau adalah dalam bidang pragmatik dan sosiolinguistik. Beliau mendapat pendidikan peringkat sarjana muda dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam bidang linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel: mai.zura@um.edu.my

RUJUKAN

Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron, & Ab Razak Ab Karim. (2019, April 24-25). Lakuan bahasa ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel chedet.cc. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(5), 19-27.

Ahmad Ramadan Khalil. (2015). A study of congratulations' responses in Kurdish with reference to English. *Kirkuk University Journal-Humanity Studies*, *10*(1), 21-48.

Ahmad Sauffiyan Hasan. (2019). Pendemokrasian media dan cabaran keselamatan dalam era digital. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *35*(1), 237-251.

Ahmed, S., Chen, V. H. H., Jaidka, K., Hooi, R., & Chib, A. (2021). Social media use and anti-immigrant attitudes: Evidence from a survey and automated linguistic analysis of Facebook posts. *Asian Journal of Communication*, *31*(4), 276–298. https://doi.org/10.1080/01292986.2021.1929358

Amir Juhari, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, *19*(1), 48-57.

Allami, H., & Nekouzadeh, M. (2011). Congratulation and positive politeness strategies in Iranian context. *Theory & Practice in Language Studies*, *1*(11), 1607-1613. https://doi.org/10.4304/TPLS.1.11.1607-1613

Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, *4*(1), 33-52.

Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. London: Oxford University Press.

BBC Mundo, & Ontiveros, E. (2019, Nov 12). Wkwkwk, Jajaja, 55555: Seperti apa cara 'tertawa' dalam bahasa lain. *BBC News Indonesia.* https://www.bbc.com/indonesia/majalah-50384301

Brown, C. (2009). WWW.HATE.COM: White supremacist discourse on the internet and the construction of whiteness ideology. *The Howard Journal of Communications*, *20*(2), 189–208. https://doi.org/10.1080/10646170902869544

Elwood, K. (2004). "Congratulations!": A cross-cultural analysis of responses to another's happy news. *The Cultural Reviews, Waseda Commercial Studies Association*, *25*, 355-386. https://dl.ndl.go.jp/info:ndljp/pid/9213060

Georgalou, M. (2017). *Discourse and identity on Facebook*. London: Bloomsbury Publishing.

Haslina Halim (peny.). (2018). *Komunikasi dalam konteks budaya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasmidar Hassan. (2013). Ucap selamat, ungkapan anomaly namun dimengerti dalam komunikasi: Penjelasan dari perspektif pragmatik. *Jurnal Bahasa*, *13*(2), 259-272.

Howe, S. (2024, May 3). *Social media statistics for Malaysia* [Updated 2024]. Meltwater; We Are Social. https://www.meltwater.com/en/blog/social-media-statistics-malaysia

Huang, Y. (2007). *Pragmatics*. Oxford: University Press.

Jahangard, A., Khanlarzade, N., & Latifi, A. (2016). Do Iranians and Americans congratulate their friends differently on their birthdays on Facebook? A case for intercultural studies. *Two Quarterly Journal of English Language Teaching and Learning University of Tabriz*, *8*(18), 123-143.

Joinson, A.N. (2008). *Looking at, looking up or keeping up with people?: Motives and use of Facebook*. Paper presented at the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems, 5-10 April, Florence, Italy. https://doi.org/10.1145/1357054.1357213

Kemp, S. (2020, February 18). *Digital 2020: Malaysia*. We Are Social; Hootsuite. https://datareportal.com/reports/digital-2020-malaysia

Klimova, B., & Pikhart, M. (2020). Cognitive and applied linguistics aspects of using social media: The impact of the use of Facebook on developing writing skills in learning English as a foreign language. *European Journal of Investigation in Health, Psychology and Education*, *10*(1), 110-118. https://doi.org/10.3390/ejihpe10010010

Leech, G. (2007). Politeness: Is there an east-west divide? *Journal of Politeness Research: Language, Behavior, Culture, 3*(2), 167. http://doi.org/10.1515/PR.2007.009

Maíz-Arévalo, C. (2013). "Just click 'Like': Computer-mediated responses to Spanish compliments. *Journal of Pragmatics*, *51*, 47-67.

Maslida Yusof, & Karim Harun. (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status *Facebook*. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *31*(2), 151-168.

Mohammad Mahzari. (2017). *A sociopragmatic study of the congratulation strategies of Saudi Facebook users* [Tesis Doktor Falsafah, Arizona State University].

Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin, Muhammad Ridhwan Sarifin, & Mohamad Fauzi Sukimi. (2020). Konsumerisme dan kelas sosial dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu. *Akademika*, 90 (Isu Khas 1/Special Issue), 35-49.

Meredith, J., & Stokoe, E. (2014). Repair: Comparing Facebook 'chat' with spoken interaction. *Discourse and Communication*, *8*(2), 181-207.

Nurul Syuhada Shuib, & Maslida Yusof. (2019). Lakuan bahasa dalam ceramah agama. *Akademika*, *89*(Isu Khas/Special Issue), 41-53.

Pishghadam, R., & Morady, M. M. (2011). Towards a contrastive pragmatic analysis of congratulation speech act in Persian and English. *The Journal of Applied Linguistics, 4*(2), 130-151.

Placencia, M. E., & Lower, A. (2013). Your kids are so stinkin' cute! :-): Complimenting behavior on Facebook among family and friends. *Intercultural Pragmatics*, *10*(4), 617-646.

Rader, E., & Gray, R. (2015). *Understanding user beliefs about algorithmic curation in the Facebook news feed*. Paper presented at the 33rd Annual ACM Conference.

Rambe, P. (2012). Critical discourse analysis of collaborative engagement in Facebook postings. *Australasian Journal of Educational Technology*, *28*(2), 295-314.

Ramirez, A., Walther, J. B., Burgoon, J. K., & Sunnafrank, M. (2002). Information-seeking strategies, uncertainty, and computer-mediated communication. *Human Communication Research*, *28,* 213-228.

Rusdi Rusli. (2013). Pengguna *Facebook* sebagai medium kesedaran keselamatan lalu lintas di kalangan pelajar semester 4, Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *Proceeding CiE-TVET,* 2-3 September.

Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language*. Cambridge: Cambridge University Press.

Searle, J. R. (1976). A classification of illocutionary acts. *Language in Society*, *5*(1), 1-23.

Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah, & Mokhtar Nawawi. (2011). Pengaruh amalan jenaka terhadap pengajaran dan pembelajaran murid. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, *26*(1), 125-144.

Zeinab, H., Zohreh, S., & Gelehkolaee, K. S. (2015). Lifestyle and outcomes of assisted reproductive techniques: A narrative review. *Global Journal of Health Science*, *7*(5), 11.